

GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN DAN PENILAIAN KEADAAN BANGUNAN SEDIA ADA



PRAKATA

Ketidakcekapan terhadap sistem kerja penyenggaraan bangunan boleh menimbulkan kecacatan dan kerosakan pada bangunan. Kecacatan dan kerosakan bangunan ditakrifkan sebagai kegagalan terhadap keupayaan bangunan untuk menyampaikan perkhidmatan seperti yang diharapkan. Kecacatan dan kerosakan juga merupakan masalah yang sering dihadapi pada mana-mana bangunan tanpa mengira usia bangunan dan jenis pembinaannya. Ketidakcekapan dalam menangani masalah kecacatan atau kerosakan bangunan secara sistematik telah mendatangkan pelbagai kesan dan impak negatif kepada pengguna dan juga pemilik bangunan.

Perkara ini perlu dipandang serius kerana ia telah menyebabkan kos untuk penyenggaraan meningkat secara mendadak di samping perbelanjaan yang besar telah dilaburkan dalam menyediakan bangunan yang memenuhi kehendak pengguna. Jika pemantauan, pembaikan dan langkah pencegahan terhadap isu kecacatan dan kerosakan ini tidak diberi penekanan serius, secara tidak langsung ia akan memberi kesan kepada estetik bangunan, kepuasan penggunaan, keselesaan, kewangan dan keselamatan pengguna.

Sehubungan dengan itu, satu sistem pemeriksaan yang lebih sistematik adalah perlu bagi menangani masalah ini dan kaedah pembaikan yang lebih terancang dapat dilaksanakan serta belanjawan mencukupi dapat disediakan. Sistem pemeriksaan ini akan memberi tahap diagnostik kepada permasalahan bangunan dan akan dirujuk kepada Cawangan Pakar Forensik Struktur dan Awam, Mekanikal serta Elektrikal untuk cadangan pembaikan.

Garis Panduan ini memberikan panduan tentang metodologi pelaksanaan pemeriksaan dan penilaian bangunan, di mana ianya cukup ringkas untuk digunakan oleh pegawai dalaman Jabatan Kerja Raya sepertimana yang termaktub dalam Perintah Am Bab E Klaus 27 yang menyatakan bahawa JKR bertanggungjawab

untuk memeriksa bangunan Kerajaan setiap tahun.

Garis panduan ini juga adalah untuk membantu pasukan pemeriksa agar dapat melaksanakan pemeriksaan di tapak dengan mudah, konsisten, sistematik dan holistik. Prosedur yang tergaris dalam panduan ini meliputi aspek-aspek persediaan, perancangan, pelaksanaan, penarafan dan penyediaan laporan pemeriksaan.

Keputusan penarafan yang tepat dan boleh diterima dengan yakin bergantung kepada kekerapan penyenggaraan yang dilaksanakan. Langkah-langkah yang sewajarnya perlu dilakukan untuk memastikan supaya penarafan yang dibuat dapat digunakan untuk membuat keputusan yang lebih komprehensif terutama ketika di peringkat perancangan kerja penyenggaraan sama ada jangka masa panjang atau pendek, penyediaan anggaran kos pembaikan atau penggantian serta bajet penyenggaraan yang lebih tepat.

Garis panduan ini adalah berbentuk dinamik dan akan disemak dari semasa ke semasa dengan mengambilkira sebarang perubahan. Oleh itu ahli pasukan pemeriksa adalah digalakkan untuk memberi komen kepada Jabatan supaya Garis Panduan ini akan lebih lengkap dan berkesan.

SEKALUNG PENGHARGAAN

Dokumen Garis Panduan Pemeriksaan dan Penilaian Bangunan ini telah disiapkan dengan hasil usaha yang bersama dan secara berterusan oleh pegawai-pegawai JKR yang komited yang terdiri dari pelbagai disiplin iaitu Juruukur Bangunan khususnya, Awam, Mekanikal dan Elektrik.

Selain daripada itu pementapan garis panduan ini telah dilaksanakan bersama di bawah satu program yang dianjurkan oleh Cawangan Pengurusan Projek Kompleks (PROKOM) menerusi Value Creation Acceleration through Creativity and Innovation Experience (VACCINE) supaya pemakaian garis panduan ini dapat memberikan impak yang besar kepada penyampaian perkhidmatan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di atas sumbangan dan sokongan yang diberikan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan garis panduan ini.

1. Bahagian Senggara Fasiliti Bangunan (BSFB), Cawangan Kejuruteraan Senggara, Ibu Pejabat JKR Malaysia
2. Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Senggara (BPKS), Cawangan Kejuruteraan Senggara, Ibu Pejabat JKR Malaysia
3. Bahagian Senggara Persekutuan Negeri (BSPN)
4. Cawangan Pengurusan Projek Kompleks (PROKOM), Ibu Pejabat JKR Malaysia
5. Perunding Building development & Urban Institute (BUDI)
6. Universiti Teknologi Mara (UiTM)
7. Universiti Malaya (UM)

Penyemakan akhir dokumen ini telah dilaksanakan bersama :-

1. Ir. Hj. Abu Harith bin Hj. Shamsuddin – Unit Pemeriksaan dan Penilaian Bangunan (BSFB)
2. Sr. Syamilah bt Yacob – Unit Pemeriksaan dan Penilaian Bangunan (BSFB)
3. En. Mohammad Niizar bin Abdurahman – Unit Pemeriksaan dan Penilaian Bangunan (BSFB)
4. Sr. Christina Edmund Rambayan – Bahagian Senggara Persekutuan Negeri (BSPN)

ISI KANDUNGAN

Prakata

Penghargaan

Kandungan

Senarai Jadual

BAHAGIAN A – GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN DAN PENILAIAN

- 1.0 Tujuan
- 2.0 Latar Belakang
- 3.0 Definisi
- 4.0 Singkatan
- 5.0 Objektif.
- 6.0 Skop
- 7.0 Peranan dan Tanggungjawab
- 8.0 Kaedah Pemeriksaan
- 9.0 Proses Pelaksanaan Pemeriksaan
- 10.0 Laporan Hasil Pemeriksaan
- 11.0 Arahan Kerja
- 12.0 Rujukan
- 13.0 Lampiran
 - Lampiran 1 - Surat Perlantikan Pemeriksa
 - Lampiran 2 - Senarai Semak Dokumen Maklumat Awalan Bangunan
 - Lampiran 3 - Senarai Peralatan dan kegunaan
 - Lampiran 4 - Borang Pemeriksaan BPKB/JKR/01
 - Lampiran 5 - Senarai Kecacatan / Kerosakan Bangunan
 - Lampiran 6 - Format Laporan Keadaan Bangunan LPKB/JKR/02

BAHAGIAN B – PANDUAN PELAKSANAAN PEMERIKSAAN KEADAAN BANGUNAN SEDIA ADA DAN PENGISIAN BORANG PEMERIKSAAN DI TAPAK

- 1.0 Tujuan
- 2.0 Keperluan Pemeriksaan
- 3.0 Pelaksanaan Pemeriksaan
 - 3.1 Langkah 1 – Pemeriksaan awalan
 - 3.2 Langkah 2 – Kaedah Pemeriksaan
 - 3.3 Langkah 3 - Skala Pemeriksaan
 - 3.4 Langkah 4 – Pengisian Borang Pemeriksaan
 - 3.5 Langkah 5 – Helaian Kecacatan / kerosakan
 - 3.6 Langkah 6 – Pelan Indikasi Kecacatan/kerosakan
 - 3.7 Langkah 7 – Ringkasan Penemuan
 - 3.8 Langkah 8 – Borang Pengukuran Kuantiti
 - 3.9 Langkah 9 – Penyediaan Senarai Kuantiti
 - 3.10 Langkah 10 – Pengurusan Sisa Bahan Binaan dan Berjadual
 - 3.10 Lampiran 11 – Laporan Hasil Penemuan

SENARAI JADUAL

Jadual 1 :	Semakan jenis kecacatan / kerosakan umum bangunan
Jadual 2 :	Semakan kecacatan / kerosakan mekanikal dan elektrik
Jadual 3 :	Senarai punca-punca kecacatan / kecacatan
Jadual 4 :	Tahap Keadaan Fizikal Komponen Bangunan
Jadual 5 :	Tahap Keutamaan Tindakan Penyenggaraan
Jadual 6 :	Analisis Matrik Tahap Keadaan Fizikal Komponen Bangunan dan Tahap Keutamaan Tindakan Penyenggaraan
Jadual 7 :	Klasifikasi Penarafan Bangunan

BAHAGIAN A

GARIS PANDUAN
PEMERIKSAAN DAN
PENILAIAN





1.0 TUJUAN

- 1.1 Garis Panduan ini adalah merupakan panduan am kepada pemeriksa bangunan dalam melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan bangunan sedia ada.
- 1.2 Dokumen adalah bertujuan bagi mewujudkan ketekalan (consistency) dalam aspek pelaksanaan pemeriksaan dan penyediaan laporan.
- 1.3 Dokumen ini menjelaskan kaedah dan tanggungjawab Kementerian / Jabatan / Agensi yang terlibat dalam melaksanakan pemeriksaan bagi tujuan penarafan bangunan sedia ada.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Ketidakekapan terhadap sistem kerja penyenggaraan bangunan boleh menimbulkan kecacatan dan kerosakan pada bangunan. Kecacatan dan kerosakan merupakan masalah yang sering dihadapi pada mana-mana bangunan tanpa mengira usia bangunan dan jenis pembinaannya.
- 2.2 Ketidakekapan dalam menangani masalah kecacatan atau kerosakan bangunan secara sistematik telah mendatangkan pelbagai kesan dan impak negatif kepada pengguna dan juga pemilik bangunan.
- 2.3 Beberapa proses dan peraturan perlu dipatuhi oleh pihak yang terlibat bagi memastikan pelaksanaan pemeriksaan dilaksanakan dengan lebih sistematik.

3.0 DEFINISI

- 3.1 **Pemeriksa Bangunan** - Pemeriksa bangunan adalah terdiri daripada pelbagai disiplin seperti ukur bangunan, senibina, awam, mekanikal dan elektrik.
- 3.2 **Kementerian / Jabatan / Agensi** – Kementerian / Jabatan / Agensi yang melaksanakan pemeriksaan bagi tujuan penarafan bangunan sedia ada.
- 3.3 **Juruukur Bangunan** – Juruukur Bangunan yang berdaftar dengan Institut Juruukur Di Raja Malaysia
- 3.4 **Jurutera Pakar** – iaitu Jurutera yang terdiri daripada disiplin Awam, Mekanikal dan Elektrik yang akan menjalankan pemeriksaan forensik yang melibatkan ujian makmal, tahap keadaan sistem atau komponen serta kaedah pembaikan yang perlu pengukuhan pada struktur atau sistem yang tidak berfungsi.

4.0 SINGKATAN

PB	-	Pengarah Bahagian
CKS	-	Cawangan Kejuruteraan Senggara
IP	-	Ibu Pejabat
BPKB	-	Borang Pemeriksaan Keadaan Bangunan
LPKB	-	Laporan Pemeriksaan Keadaan Bangunan
GIS	-	Geographic Information System – Sistem Maklumat Geografi

5.0 OBJEKTIF

Dokumen ini diwujudkan bertujuan untuk:

- 5.1 Memastikan pelaksanaan pemeriksaan oleh pemeriksa bangunan mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

6.0 SKOP

- 6.1 Skop pemeriksaan adalah meliputi semua aset bangunan milik kerajaan dan ianya merangkumi bahagian-bahagian berikut :

- i) Awam dan Struktur;
- ii) Sistem Mekanikal ; dan
- iii) Sistem Elektrikal

- 6.2 Pemeriksaan keadaan bangunan yang perlu dilaksanakan adalah pada peringkat-peringkat berikut:

- i) Penerimaan bangunan untuk tujuan operasi dan senggara;
- ii) Penerimaan bangunan untuk tujuan daftar aset khusus;
- iii) Peringkat operasi dan penyenggaraan aset;
- iv) Peringkat penilaian awal bagi tujuan pemulihan, ubah suai dan naik taraf;
- v) Peringkat penilaian awal bagi tujuan pemuliharaan bangunan;
- vi) Peringkat penilaian awal bagi tujuan penilaian risiko dan keselamatan bangunan; dan
- vii) Peringkat penilaian keadaan bangunan selepas bencana

7.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

7.1 Pengarah Berkenaan

- i) Melantik Ketua Pasukan Pemeriksa Bangunan
- ii) Meluluskan laporan Pemeriksaan Keadaan Bangunan

7.2 Ketua Pasukan Pemeriksa Bangunan


- i) Menubuh Pasukan Pemeriksaa Bangunan
- ii) Menyelaras aktiviti Pemeriksaan Keadaan Bangunan
- iii) Menyemak laporan Pemeriksaan Keadaan Bangunan

7.3 Pasukan Pemeriksa Bangunan

- i) Menyediakan pelan pemeriksaan bangunan
- ii) Menjalankan kerja-kerja Pemeriksaan Keadaan Bangunan
- iii) Menyediakan laporan Pemeriksaan Keadaan Bangunan

8.0 KAEDAH PEMERIKSAAN

8.1 Carta Aliran Proses Kerja Pemeriksaan Keadaan Bangunan



8.2 Pemeriksaan bangunan boleh melibatkan satu atau kedua-dua perkara seperti berikut :-

- i) Pemeriksaan secara visual ; dan
- ii) Pemeriksaan terperinci Jurutera pakar

8.3 Pemeriksa bangunan perlu melaksanakan pemeriksaan tinjauan awalan sebagai salah satu keperluan kepada pemeriksaan penyiasatan terperinci oleh Jurutera pakar. Walau bagaimanapun ia bergantung kepada jenis dan tahap kecacatan serta kerosakan yang dilaporkan di dalam laporan awalan pemeriksaan visual.

9.0 PROSES PELAKSANAAN PEMERIKSAAN

9.1 Perlantikan Pemeriksa Bangunan

Perlantikan pemeriksa bangunan hendaklah berdasarkan kepada arahan yang dikeluarkan oleh PB. Pemeriksa Bangunan perlu dimaklumkan dengan mendapat pengesahan oleh PB mengenai perlantikan tersebut. Contoh surat perlantikan adalah seperti di lampiran 1.

9.2 Tanggungjawab Pemeriksa Bangunan

Pemeriksa Bangunan yang dilantik untuk menjalankan pemeriksaan ke atas sesuatu bangunan hendaklah:

- i) Melaksanakan pemeriksaan tinjauan awalan sebelum pemeriksaan terperinci dijalankan;
- ii) Menentukan keperluan sumber, peralatan dan teknologi terkini yang digunakan untuk melaksanakan pemeriksaan;
- iii) Menjalankan pemeriksaan dengan cara yang ditetapkan di bawah garis panduan ini;
- iv) Menyedia, memperakukan kerja dan menandatangani laporan hasil pemeriksaan; dan
- v) Membuat analisis dan mengemukakan laporan hasil pemeriksaan dalam bentuk dokumen untuk kelulusan dan tindakan susulan

9.3 Kajian Tinjauan Awalan Bangunan

Persediaan dan keperluan berikut perlu diutamakan pemeriksa bangunan:

- i) Dapatkan maklumat bangunan serta melaksanakan kajian yang meliputi lukisan siap bina, rekod perkhidmatan, penyenggaraan, daftar bangunan, manual-manual operasi, lokasi, kos penyenggaraan serta rekod-rekod penyenggaraan yang berkaitan. Contoh dokumen Senarai Semak Maklumat Awalan Bangunan adalah seperti di lampiran 2;
- ii) Tinjauan awal samada secara bertulis, telefon atau lawatan tapak untuk mendapatkan maklumat serta gambaran awalan bangunan yang hendak diperiksa;
- iii) Mengatur akses untuk memasuki kawasan tapak yang hendak diperiksa; dan
- iv) Menyelidik atau membuat pertanyaan dan mendapatkan maklumat tepat dari pihak-pihak berkuasa tertentu

9.4 Penyediaan Jadual Perancangan Program Pemeriksaan

Pemeriksa bangunan perlu mengatur jadual pemeriksaan bagi memaklumkan kepada pemilik bangunan tentang perancangan program pemeriksaan bangunan yang hendak dilakukan agar kerja pemeriksaan bangunan yang dijalankan tidak mengganggu pengguna dan penghuni bangunan berkenaan sekiranya ada.

9.5 Penyediaan borang semak pemeriksaan, keperluan sumber, dan peralatan dalam pemeriksaan bangunan

Pemeriksa bangunan perlu menyediakan borang senarai semak pemeriksaan berdasarkan kajian tinjauan awalan yang dilaksanakan. Keperluan peralatan serta keperluan sumber yang bersesuaian dengan aktiviti pemeriksaan perlu ditentukan (rujuk lampiran 2).

9.6 Mengatur perkhidmatan pihak Jurutera pakar yang diperlukan

Mengatur khidmat pakar yang diperlukan adalah bertujuan untuk mendapatkan khidmat pakar yang perlu turut sama menjalankan kerja pemeriksaan bangunan. Ini adalah kerana dalam sesetengah keadaan, khidmat pakar dalam bidang kemahiran tertentu seperti kejuruteraan forensik dalam disiplin awam, elektrik dan mekanikal dengan menjalankan penyiasatan atas bahan, produk, struktur atau komponen yang gagal berfungsi atau beroperasi sepertimana tahap perkhidmatan dipersetujui. Ini amat diperlukan dalam usaha untuk mendapatkan hasil laporan pemeriksaan kerosakan bangunan yang lengkap dan menyeluruh.

9.7 Teknologi GIS

- a) Sistem maklumat geografi merupakan satu sistem yang menggunakan komputer untuk pengumpulan, penyimpanan, memanipulasikan, analisis, mengurus dan persembahan data-data geografi kepada bentuk informasi.

Tujuan menggunakan perisian GIS di dalam kerja-kerja pemeriksaan bangunan adalah :-

- i) Untuk menjalankan analisa spatial;
- ii) Menjimatkan masa, tenaga dan kos;
- iii) Membantu dalam melihat sesuatu kawasan dengan lebih luas dan terkini;
- iv) Membantu dalam membuat keputusan;
- v) Paparan maklumat lebih menarik dan jelas;
- vi) Capaian maklumat lebih cepat;

- vii) Membantu dalam proses membuat keputusan dan analisa dengan lebih cepat dan tepat; dan
 - viii) Memudahkan proses perancangan dan pemantauan
- b) Pemeriksa perlu mengambil maklumat geospasial iaitu koordinat lokasi bangunan bagi mengenalpasti kedudukan sebenar bangunan serta pematuhan kepada keperluan Pusat Infrastruktur Data Geospasial (MaCGDI) bagi tujuan penyelarasan perkongsian maklumat geospasial di kalangan agensi kerajaan, swasta dan awam.

9.8 Pelaksanaan pemeriksaan

Pemeriksa bangunan berkenaan adalah dikehendaki menjalankan pemeriksaan secara visual mengenai :

- a) Keadaan fizikal bangunan
 - i) Menenalpasti jenis-jenis kecacatan/kerosakan pada fizikal bangunan
 - ii) Menenalpasti apa-apa tanda kemerosotan bahan
- b) Keadaan struktur bangunan
 - i) Menenalpasti jenis-jenis kecacatan / kerosakan pada struktur
 - ii) Menenalpasti apa-apa tanda kemerosotan bahan
- c) Apa-apa penambahan atau perubahan yang mempengaruhi struktur bangunan
 - i) Untuk menenalpasti apa-apa penambahan atau perubahan yang boleh menjejaskan struktur bangunan
- d) Syarat-syarat lain yang boleh mempengaruhi keselamatan penghuni berdasarkan fungsi bangunan dibina.
 - i) Keadaan tangki air;
 - ii) Kestabilan kawasan dan bangunan;
 - iii) Lokasi;
 - iv) Kesesuaian penggunaan bahan binaan; dan
 - v) Kesesuaian rekabentuk
 - vi) Pemeriksaan yang merangkumi sistem-sistem Mekanikal dan Elektikal.
- e) Kaedah pemeriksaan yang boleh dilaksanakan adalah melalui kaedah pemeriksaan samada seperti berikut :
 - i) Pemeriksaan ruang bumbung ;
 - ii) Bilik ke bilik atau ruang;
 - iii) Pemeriksaan ruang basement;
 - iv) Pemeriksaan persekitaran, luar bangunan; dan
 - v) Pemeriksaan sistem perparitan dan loji rawatan kumbahan
- f) Pemeriksaan dan penilaian keadaan bangunan ini juga boleh membantu di dalam penyediaan kajian dilapidasi untuk elemen atau komponen pemuliharaan bangunan bersejarah

9.9 Limitasi pemeriksaan

Pemeriksaan yang dilakukan tertakluk kepada limitasi-limitasi berdasarkan kemudahan akses ruang, simpanan rekod-rekod dan maklumat-maklumat yang diperolehi daripada pemilik bangunan serta skop pemeriksaan yang ditetapkan.

9.10 Penggunaan Borang Semak Pemeriksaan Bangunan

Semasa pemeriksaan dijalankan, pemeriksa bangunan yang melaksanakan pemeriksaan awalan keadaan bangunan perlu menggunakan Dokumen Borang Pemeriksaan dan Penilaian Keadaan Bangunan (BPKB/JKR/01) sebagaimana di lampiran 4. Dokumen ini perlu digunapakai oleh pemeriksa bangunan dengan tujuan untuk melaksanakan pemeriksaan keadaan bangunan sebelum penilaian prestasi dapat dilakukan. Perkara berikut perlu diambil perhatian oleh pemeriksa bangunan :-

- i) Pastikan lakaran serta rujukan gambar ditanda/dinyatakan di dalam borang pemeriksaan. Tiap-tiap ruang yang diperiksa perlu ditanda di dalam lakaran atau pelan indikasi kecacatan mengikut ketetapan di dalam Garis Panduan Pengumpulan Data Aset Tak Alih (PeDATA) Kerajaan.
- ii) Kecacatan hendaklah dirujuk kepada semakan kecacatan rujuk (jadual 1 dan 2). Jenis dan saiz kerosakan/kecacatan yang dinyatakan mestilah bersesuaian mengikut jenis kerosakan pada elemen yang diperiksa. Setiap kecacatan/kerosakan mempunyai beberapa penyebab yang berbeza ke atas elemen-elemen bangunan (rujuk lampiran 5).
- iii) Punca kecacatan/kerosakan disenaraikan mengikut pemeriksaan yang dijalankan (rujuk jadual 3) dan ianya tidak terhad kepada satu punca sahaja untuk satu kerosakan/kecacatan.
- iv) Penarafan keadaan fizikal bangunan mestilah berdasarkan gred kerosakan/kecacatan yang dinilai oleh pemeriksa bangunan (rujuk jadual 4 dan 5) . Setiap gred kerosakan atau kecacatan bangunan akan dinilai secara analisis matrik (rujuk jadual 6) bagi menentukan skala kerosakan / kecacatan elemen.
- v) Jumlah markah kerosakan/kecacatan akan dibahagikan dengan jumlah bilangan kerosakan / kecacatan yang ditemui bagi menentukan skor keseluruhan bangunan yang diperolehi (rujuk jadual 7)

10.0 LAPORAN HASIL PEMERIKSAAN

10.1 Laporan yang perlu dikemukakan oleh pemeriksa bangunan adalah dalam bentuk dokumen dan juga perisian GIS (jika perlu).

10.2 Laporan pemeriksaan yang perlu dikemukakan adalah:

- i) Laporan Pemeriksaan dan Penilaian Keadaan Bangunan Sedia ada
- ii) Laporan Terperinci Jurutera Pakar

10.3 Satu laporan hasil pemeriksaan bangunan perlulah mengandungi:-

- i) Keterangan mengenai pemeriksaan visual dan apa-apa pemeriksaan secara menyeluruh ke atas bangunan;
- ii) Analisis terhadap hasil penemuan pemeriksaan dan ujian-ujian yang dijalankan untuk pemeriksaan awalan keadaan bangunan adalah merujuk kepada Building Condition Assessment Rating System (BCARS) atau mana-mana sistem semasa yang dibangunkan sebagaimana ketetapan di dalam Garis Panduan ini; dan
- iii) Memberi cadangan/saranan/syor-syor atau perakuan teknikal melalui penyediaan laporan lengkap bergambar. Hasil analisis pemeriksaan akan dirujuk kepada pihak pakar teknikal yang berkaitan untuk tindakan susulan.

- iv) Laporan hendaklah disiapkan dalam tempoh 2 (dua) minggu selepas lawatan. Walaubagaimana ianya bergantung kepada kehendak pelanggan, jenis, tingkat dan keluasan bangunan yang diperiksa.
- 10.4 Format laporan akan menggunakan format laporan pemeriksaan keadaan bangunan (LPKB/JKR/02) (rujuk lampiran 6)
- 10.5 Hasil dan kesimpulan laporan akan dibentangkan dengan tujuan untuk kegunaan penambahbaikan terhadap sistem kerja senggara yang dilaksanakan.
- 10.6 Ketua Jabatan / ketua pemeriksa, jika berpuashati atau sebaliknya setelah menilai laporan pemeriksaan yang dikemukakan dengan membuat pengesyoran samada bangunan:-
 - i) dikekalkan;
 - ii) disenggara;
 - iii) dipulihkan, ubahsuai, atau naik taraf; atau
 - iv) dirobohkan
- 10.7 Pematuhan kepada perundangan-perundangan yang berkaitan dengan sisa serta kod amalan Kualiti Udara Dalamann seperti berikut :-
 - i) Pembuangan sisa pepejal ke atas sisa bahan-bahan binaan sebagaimana pematuhan Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672)
 - ii) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 – Buangan Terjadual 2005
 - iii) Kod Amalan Kualiti Udara Dalamann, Dosh 2005
 - iv) Kawalan bangunan bagi tujuan pematuhan Undang-undang Kecil Seragam 1984

11.0 ARAHAN KERJA

Pemeriksaan dilaksanakan atas arahan pihak pengurusan atasan dan berdasarkan kepada peraturan dan pekeliling yang berkuatkuasa

12.0 RUJUKAN

- i) Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM)
- ii) Garis Panduan Pengumpulan Aset Tak Alih (PeDATA)
- iii) Sistem Kod Aset Tak Alih (SKATA)
- iv) Undang-undang Kecil Seragam 1984
- i) Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672/673)
- ii) Spesifikasi Piawaian JKR untuk Kerja Bangunan
- iii) Kod Amalan Kualiti Udara Dalamann
- iv) Jadual Kadar harga Kerja-kerja Kecil dan Pembaikan
- v) Peraturan-peraturan Cawangan Kejuruteraan Elektrik yang berkuatkuasa
- vi) Peraturan-peraturan Cawangan Kejuruteraan Mekanikal yang berkuatkuasa

2.0 LAMPIRAN

- Lampiran 1 - Surat Perlantikan Pemeriksa Bangunan
- Lampiran 2 - Senarai Semak Dokumen Maklumat Awalan Bangunan
- Lampiran 3 - Senarai peralatan dan kegunaan
- Lampiran 4 - Borang Pemeriksaan Keadaan Bangunan -BPKB/JKR/01
- Lampiran 5 - Penyebab Kecacatan/kerosakan Bangunan
- Lampiran 6 - Format Laporan Pemeriksaan Keadaan Bangunan -LPKB/JKR/02



SENARAI JADUAL





Jadual 1 : Semakan jenis kecacatan / kerosakan umum bangunan

1.	Retak	20.	Bocor / tiris
2.	Lembap	21.	Resap Air
3.	Patah	22.	Pudar / kusam
4.	Kelupas	23.	Koyak / kopak
5.	Pemeluwapan	24.	Mendap
6.	Tanggal	25.	Pecah
7.	Cabut	26.	Tersumbat
8.	Putus	27.	Berkarat
9.	Tidak mengikut spesifikasi	28.	Berkerak
10.	Hilang	29.	Condong
11.	Kulat	30.	Berlubang
12.	Lumut	31.	Roboh
13.	Pokok Tumpang	32.	Reput
14.	Serangan Serangga /anai-anai	33.	Lapuk
15.	Bengkok	34.	Herot
16.	Melendut	35.	Kotor
17.	Melentur	36.	Membengkok
18.	Longgar	37.	Merekah
19.	Goyang	38.	Berserabut

Jadual 2 : Semakan kecacatan / kerosakan mekanikal dan elektrik

1.	Tersumbat	13.	Melentur
2.	Condong /Senget/Herot	14.	Longgar
3.	Retak	15.	Kesan terbakar
4.	Putus	16.	Berbau
5.	Hilang	17.	Pemeluwapan
6.	Bengkok	18.	Tanggal
7.	Pecah	19.	Cabut
8.	Rosak/tidak berfungsi	20.	Bocor
9.	Roboh / Runtuh / jatuh	21.	Bergegar
10.	Patah	22.	Koyak
11.	Mengelupas	23.	Luput Tarikh
12.	Mengelendut	24.	Karat

Jadual 3 : Senarai punca-punca kecacatan / kecacatan

1.	Rekabentuk
2.	Bahan Binaan
3.	Pembinaan
4.	Alam Sekitar
5.	Manusia – penggunaan
6.	Serangga
7.	Bencana Alam



Jadual 4 : Tahap Keadaan Fizikal Komponen Bangunan

Gred	Skala pemeriksaan	Ringkasan	Huraian
1	Sangat baik	SB	• Tiada Kecacatan; • Keadaan sangat baik; dan • Boleh berfungsi dengan baik
2	Baik	B	• Terdapat kecacatan atau kerosakan minor; • Keadaan baik; dan • Boleh berfungsi dengan baik
3	Sederhana	S	• Terdapat kecacatan atau kerosakan major; • Keadaan sederhana; dan • Masih boleh berfungsi tetapi perlu dipantau
4	Kritikal	K	• Tiada / terdapat kecacatan atau kerosakan major / minor; • Keadaan kritikal; dan • Tidak dapat berfungsi mengikut tahap perkhidmatan dipersetujui
5	Sangat Kritikal	SK	• Keadaan sangat kritikal; • Tidak dapat berfungsi; dan • Berisiko yang boleh menyebabkan kecelakaan dan / atau kecederaan

Jadual 5 : Tahap Keutamaan Tindakan Penyenggaraan

Keutamaan	Skala Penilaian	Ringkasan	Huraian
Normal	1	N	- Tiada tanda kecacatan atau kerosakan - Komponen / elemen disenggara dengan baik, tiada keperluan pembaikan
Rutin	2	R	- Kerosakan/kecacatan minor - Perlu dipantau, dibaiki dan diganti untuk mengelakkan kecacatan / kerosakan yang lebih serius
Pembaikan	3	PB	- Kerosakan / kecacatan major, - Perlu pembaikan major, perlu dibaiki / diganti
Pemulihan	4	PM	- Kerosakan / kecacatan serius, - keperluan kepada pembaikan yang mendesak, perlu segera dan serta merta
Penggantian	5	PG	- Kerosakan / kecacatan sangat serius, - keperluan kepada penggantian / pembaikan yang mendesak, perlu segera dan serta merta - Memerlukan pemeriksaan terperinci pakar

Jadual 6 : Analisis Matrik Tahap Keadaan Fizikal Komponen Bangunan dan Tahap Keutamaan Tindakan Penyenggaraan

Skala		Tahap Keutamaan Tindakan Penyenggaraan				
		5	4	3	2	1
Tahap Keadaan Fizikal Komponen Bangunan	5	25	20	15	10	5
	4	20	16	12	8	4
	3	15	12	9	6	3
	2	10	8	6	4	2
	1	5	4	3	2	1

Jadual 7 : Klasifikasi Penarafan Bangunan

Rating	Keadaan / Kondisi	Matrik Tindakan	Skor
A	Sangat Baik	Penyenggaraan berjadual	1 hingga 5
B	Baik	Penyenggaraan berdasarkan Keadaan (Condition Based)	6 hingga 10
C	Sederhana	Pembaikan	11 hingga 15
D	Kritikal	Pemulihan	16 hingga 20
E	Sangat Kritikal	Penggantian	21 hingga 25



SENARAI LAMPIRAN





LAMPIRAN 1 – SURAT
PERLANTIKAN PEMERIKSA



LAMPIRAN 1

SURAT PELANTIKAN PASUKAN PEMERIKSA BANGUNAN

No. Rujukan :

Tarikh :

Kepada

.....

.....

Tuan,

SURAT PELANTIKAN PASUKAN PEMERIKSA BANGUNAN

Perkara di atas adalah dirujuk;

2. Dengan ini dimaklumkan bahawa pihak tuan/puan adalah dilantik sebagai anggota pasukan pemeriksa keadaan fizikal bangunan untuk.....^(nama bangunan) yang akan dilaksanakan pada^(tarikh pemeriksaan)..... Dengan ini diharap pihak tuan dapat melaksanakan tugas yang dinyatakan di atas dalam menyempurnakan urusan pengurusan aset yang di bawah tanggungjawab tuan.

3. Semoga mendapat perhatian dan semua tugas di atas perlu dilaksanakan sebagaimana ketetapan di dalam peruntukan perundangan dan garis panduan pemeriksaan bangunan yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

*“Amalkan PAM ke arah faedah aset yang optimum”***“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah.

.....

(Pengarah Bahagian)

.....

.....

s.k. 1.

2.

CONTOH

LAMPIRAN 2 – SENARAI SEMAK
DOKUMEN MAKLUMAT AWALAN
BANGUNAN



SENARAI SEMAK DOKUMEN

Nama Bangunan :

Pemilik Bangunan :

Bil	Perkara	Tandakan (✓)
1	Lukisan Pembinaan / Lukisan Siap Bina dalam bentuk fizikal dan digital	
	a) Senibina	
	b) Awam & Struktur	
	c) Mekanikal	
	d) Elektrik	
2	Manual Operasi dan Penyenggaraan dalam bentuk cetakan dan digital	
3	Latihan penggunaan system elektrikal dan mekanikal	
4	Sijil kerja Awam	
5	Sijil Kerja Mekanikal	
6	Sijil Kerja Elektrikal	
7	Sijil Kerja Arkitek	
8	Laporan / rekod Kerosakan / Kecacatan Bangunan	
9	Rekod Penyenggaraan Bangunan	
10	Laporan Audit	
11	Rekod aduan pelanggan	

Catatan :

.....

.....

Tandatangan & Cop :

(Pegawai yang diberi kuasa)

Tarikh :



MAKLUMAT AWALAN BANGUNAN

Nama Bangunan :

Pemilik Bangunan :

Bil	Perkara	Tandakan (✓)
1	Maklumat Sejarah Bangunan	
2	Alamat	
3	Daerah	
4	Negeri	
5	Bilangan Blok	
6	Bilangan Tingkat	
7	Tahun siap bina	
8	Keluasan tapak bangunan	
9	Keluasan lantai bangunan	
10	Kos Binaan / ubahsuai / penyenggaraan	
11	Kontraktor	
12	Lain-lain – nyatakan	

Catatan :

.....

.....

.....

.....

.....

Tandatangan & Cop :

(Pegawai yang diberi kuasa)

Tarikh :



LAMPIRAN 3 – SENARAI PERALATAN ASAS PEMERIKSAAN



SENARAI PERALATAN ASAS PEMERIKSAAN

	Peralatan Pemeriksaan	Kegunaan
Untuk Akses & Pemeriksaan		
1	Cermin Tangan	Memeriksa dan menyemak permukaan atau lapisan di luar bangunan dari dalam.
2	Kunci Penutup Longkang	Untuk mengangkat dan memeriksa penutup lurang dan longkang
3	Kunci 'Stopcock'	Menutup bekalan air
4	Lampu suluh	Memeriksa ruang atap atau atas siling, kabinet bawah tangga, penjuru stor, kawasan yang tiada cahaya
5	Tangga lipat	Mendapatkan akses ke tempat yang ada kecacatan/ruang yang perlu dimasuki.
6	Teropong	Memeriksa bahagian bangunan yang jauh dan sukar untuk dirapati/dimasuki
7	Alat Fotogrametri	Teknik penggambaran untuk fasad bangunan yang sukar dan terlalu terperinci / kompleks
8	Thermal imager	Infrared untuk mengesan kepanasan, kebocoran, kelembapan pada elemen bangunan/kelengkapan elektrik
9	Velocity meter	Mengesan tanda atau lokasi kecacatan atau kelemahan pada logam
Untuk Rekod hasil pemeriksaan		
1	Buku nota	Mencatatkan penemuan pemeriksaan
2	Label-label adhesive	Melabel sampel
3	Kamera SLR	Merakam gambar rupabentuk kecacatan/kerosakan
4	Komputer & pencetak	Menyimpan, membuat laporan dengan lebih teratur
5	PDA – Personal Digital Assistant	Merekod semua penemuan di tapak
6	Papan klip & kertas	Pelapik keras untuk melakar objek yang disiasat
7	Kapur tulis/pen	Menanda kawasan untuk pemeriksaan lanjut



	Peralatan Pemeriksaan	Kegunaan
Untuk Perlindungan		
1.	Goggle	Melindung muka dari habuk dan pancaran cahaya
2.	Helmet/Topi keselamatan	Melindung kepala dari terhantuk dan ditimpa benda-benda keras
3.	Sarung Tangan	Memegang sampel dan pelindung tangan
4.	Topeng muka	Kurangkan masalah bernafas di tempat yang berhabuk dan fiber
Untuk Dimensi		
1.	Batang Pengukur	Mengukur ketinggian dari aras sesuatu lantai ke aras komponen di sebelah atasnya
2.	Batu ladang/ 'Plumb bob'	Mengukur benggol atau kecondongan
3.	Caliper 'Vernier'	Mengukur ketebalan, gap, dimensi luar dan dalam bahan yang berongga.
4.	Feeler Gauges	Mengukur lompang, celah dan retak kecil
5.	Kayu pembaris	Mengukur saiz kecacatan
6.	Kompas	Menentu orientasi bangunan
7.	Pengaras air	Menyemak cerun lantai, atap dan ketepatan menegak
8.	Pita Pengukur	Mengukur dimensi mendatar, menegak dan menyerong
9.	Lux meter	Ukur cahaya dalam bangunan
10.	Laser Distant meter	Mengukur dimensi/ ketinggian ruang
11.	Metal detector	Untuk mengesan besi/rebar, paip besi yang berada di dalam konkrit
12.	Teodolit	Mengukur Jarak yang lebih besar/jauh/kawasan

	Peralatan Pemeriksaan	Kegunaan
	Untuk Pengujian & Pengumpulan Sampel	
1.	Beg atau bekas plastik	Memungut sampel
2.	Gergaji besi	Memotong sampel-sampel yang keras
3.	Gerudi caj semula	Mendapat sampel mortar
4.	Meter rintangan elektrik	Penyambung transmitter untuk memotong litar
5.	Pemutar skrew kecil	Memeriksa kayu-kayu yang dijangkakan reput
6.	Penukul & bolster	Memotong contoh-contoh plaster simen, batu dan bata
	Untuk Pengujian & Pengumpulan Sampel	
1.	Penguji Litar atas plug	Menguji ketepatan sambungan elektrik
2.	Pisau	Mengikis sampel-sampel dari bahan yang tanggal
3.	Test Pen	Memastikan/menguji kehadiran arus pada kelengkapan yang diperiksa
	Untuk Pengukuran kelembapan	
1.	Moisture meter	Mengukur tahap kelembapan di dalam kayu dan konkrit



LAMPIRAN 4 - BORANG
PEMERIKSAAN KEADAAN
BANGUNAN

BPKB/JKR/01





BORANG PEMERIKSAAN KEADAAN BANGUNAN



BPKB/JKR/01

DOKUMEN BORANG PEMERIKSAAN KEADAAN BANGUNAN

1.0 PENDAHULUAN

Dokumen Borang pemeriksaan keadaan aset dibangunkan adalah untuk :-

- i) Mengetahui status output operasi dan penyenggaraan aset;
- ii) Input kepada operasi dan penyenggaraan aset;
- iii) Penyediaan laporan awalan pemeriksaan keadaan aset; dan
- iv) Membuat saranan/pengesyoran kepada pakar untuk tindakan susulan

Borang ini merupakan dokumen sokongan kepada tatacara/prosedur pemeriksaan yang dibangunkan.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Memastikan kefungsian, keselamatan dan keselesaan bangunan;
- 2.2 Memastikan tahap perkhidmatan dan prestasi bangunan dicapai sebagaimana yang ditetapkan; dan
- 2.3 Memberikan keyakinan kepada pelanggan terhadap bangunan yang dinilai/periksa.

2.0 KANDUNGAN DOKUMEN

Dokumen ini mengandungi lima (5) bahagian seperti berikut :-

2.1 Bahagian 1 - Borang Maklumat Bangunan

Bahagian ini merupakan rekod maklumat bangunan yang merangkumi perkhidmatan pemeriksaan bangunan, maklumat bangunan dan dokumen wajib/rujukan untuk pemeriksaan. Bangunan yang dinilai perlu diklasifikasikan mengikut kategori dan kritikaliti bangunan.

2.2 Bahagian 2 - Borang Pemeriksaan Arkitek & Sivil

Bahagian ini terdiri dari elemen-elemen arkitek dan sivil yang terdiri dari sistem asas, struktur, bahagian luaran, bumbung, binaan dalaman, tangga dalam, siling, lekapan dan juga binaan luar bangunan.

2.3 Bahagian 3 - Borang Pemeriksaan Mekanikal

Bahagian ini terdiri dari sistem-sistem mekanikal yang merangkumi sistem perpaipan, sistem penghawa dingin, sistem agihan, sistem pencegahan kebakaran, lif dan juga elevator.

2.4 Bahagian 4 - Borang Pemeriksaan Elektrik

Bahagian ini terdiri dari sistem-sistem elektrik yang merangkumi sistem pencahayaan, komunikasi dan juga keselamatan.

2.5 Bahagian 5 - Borang Pemeriksaan Kerja Luar

Bahagian ini merangkumi sistem sempadan, jalan, dataran kejut, retikulasi air luar, sistem pembetulan, tembok penahan, loji rawatan kumbahan, binaan luar, landskap kejur dan landskap lembut

Butiran pemeriksaan perlu diisi dan ditanda (√) pada ruang tahap keadaan kerosakan/kecacatan yang ditemui dan keutamaan kerosakan/kecacatan yang perlu diberi keutamaan. Jumlah kerosakan/kecacatan akan dianalisis, mengikut sistem pengkadaran pemeriksaan bangunan. Tahap Keadaan keseluruhan bangunan dinilai dan dirumuskan di dalam penyediaan laporan berdasarkan kriteria-kriteria berikut :-

- i. Kebolehfungsian
- ii. Keselamatan
- iii. Kebolehsenggaraan
- iv. Kelestarian

Borang-borang ini disediakan bagi tujuan berikut :-

- i. Untuk digunakan semasa kerja-kerja pemeriksaan keadaan bangunan;
- ii. Untuk memastikan pengumpulan data pemeriksaan yang lebih konsisten; dan
- iii. Untuk membantu dalam analisis dan penyediaan laporan yang lebih komprehensif.

3.0 KAEDAH PEMERIKSAAN

Kaedah pemeriksaan yang dilakukan adalah berdasarkan kepada pemeriksaan visual dan juga ujian ringkas di tapak dengan menggunakan peralatan yang bersesuaian. (Jika perlu yang melibatkan bunyi, haba, bau, cahaya dan lain-lain berkaitan). Pemeriksaan yang dilakukan tertakluk kepada limitasi-limitasi serta skop pemeriksaan yang ditetapkan. Pemeriksaan ini adalah pemeriksaan awalan bagi tujuan penilaian keadaan aset oleh Juruukur Bangunan. Hasil analisis pemeriksaan akan merujuk kepada pakar untuk tindakan susulan.

PETUNJUK

Senarai Peralatan Asas Pemeriksaan

Gred	Skala pemeriksaan	Ringkasan	Huraian
1	Sangat baik	SB	- Tiada Kecacatan; - Keadaan sangat baik; dan - Boleh berfungsi dengan baik
2	Baik	B	- Terdapat kecacatan atau kerosakan minor; - Keadaan baik; dan - Boleh berfungsi dengan baik
3	Sederhana	S	- Terdapat kecacatan atau kerosakan major; - Keadaan sederhana; dan - Masih boleh berfungsi tetapi perlu dipantau
4	Kritikal	K	- Tiada / terdapat kecacatan atau kerosakan major / minor; - Keadaan kritikal; dan - Tidak dapat berfungsi mengikut tahap perkhidmatan dipersetujui
5	Sangat Kritikal	SK	- Keadaan sangat kritikal; - Tidak dapat berfungsi; dan - Berisiko yang boleh menyebabkan kecelakaan dan /atau kecederaan

Tahap Keutamaan Tindakan Penyenggaraan

Keutamaan	Skala Penilaian	Ringkasan	Huraian
Normal	1	N	- Tiada tanda kecacatan atau kerosakan - Komponen / elemen disenggara dengan baik, tiada keperluan pembaikan
Rutin	2	R	- Kerosakan/kecacatan minor - Perlu dipantau, dibaiki dan diganti untuk mengelakkan kecacatan / kerosakan yang lebih serius
Pembaikan	3	PB	- Kerosakan / kecacatan major, - Perlu pembaikan major, perlu dibaiki / diganti
Pemulihan	4	PM	- Kerosakan / kecacatan serius, - keperluan kepada pembaikan yang mendesak, perlu segera dan serta merta
Penggantian	5	PG	- Kerosakan / kecacatan sangat serius, - keperluan kepada penggantian / pembaikan yang mendesak, perlu segera dan serta merta - Memerlukan pemeriksaan terperinci pakar





BAHAGIAN 1

BORANG MAKLUMAT
BANGUNAN



BORANG MAKLUMAT BANGUNAN

Kod Daftar Aset (DPA) :	Kategori Bangunan :	1	2	3	4	Helaian:
-------------------------	---------------------	---	---	---	---	----------

A - PERKHIDMATAN PEMERIKSAAN BANGUNAN

Isi Tempat Kosong

1.1	Tajuk Projek / Kerja	
1.2	No. Rujukan	
1.3	Ketua / Nama Pemeriksa	
1.4	Tarikh Pemeriksaan	

B - MAKLUMAT BANGUNAN

Isi Tempat Kosong

2.1	Nama Bangunan / Premis							
2.2	Pemilik							
2.3	Alamat/Jalan/Lot							
2.4	No. Blok		2.5	Keluasan		2.6	Tahun binaan & Umur	
2.7	Bahan Utama Binaan				2.8	Kos Penyelenggaraan Tahunan		
2.9	Keterangan Struktur Bangunan				2.10	Status Penggunaan		

C - DOKUMEN WAJIB / RUJUKAN

Isi Tempat Kosong & Tanda (√)/(X) Pada Ruang Disediakan

PERKARA	TANDA (√) / (X)	ULASAN	RUJUKAN
3.1 Kelulusan Rekabentuk dari Pihak Berkuasa Tempatan			
3.2 Lukisan Siap Bina			
3.3 Maklumat dan Sijil Jaminan berkaitan			
3.4 Rekod Penyelenggaraan			
3.5 Rekod Pemeriksaan			
3.6 Manual-manual berkaitan			
3.7 Akta/Peraturan yang berkaitan			



C - DOKUMEN WAJIB / RUJUKAN

KOD	KATEGORI BANGUNAN	HURAIAN
1	Operasi	Digunakan untuk menyediakan perkhidmatan teras jabatan (contoh : Balai Polis, Hospital, Tentera, sekolah)
2	Sampingan	Digunakan sebagai fungsi sokongan (contoh : Perpustakaan, Kem Latihan, Parkir bertingkat, Blok Pentadbiran)
3	Tidak Beroperasi	Tidak digunakan dan ditinggalkan (contoh : Bangunan menunggu pelupusan)
4	Kawalan	Ditadbir bagi pihak kerajaan (contoh : Bangunan yang mempunyai nilai warisan/sejarah dan kebudayaan)





BAHAGIAN 2

BORANG PEMERIKSAAN
ARKITEK & SIVIL



BORANG PEMERIKSAAN DI TAPAK UNTUK PENILAIAN KEADAAN BANGUNAN - ARKITEK DAN SIVIL

Nama Projek :	Blok No :	Aras:
---------------	-----------	-------

BUTIRAN PEMERIKSAAN

ISI TEMPAT KOSONG ATAU BULATKAN PADA JAWAPAN

Diperiksa
Oleh:

--

Hari

Bulan

Tahun

(Bulatkan masa)

Tarikh :

			Masa :		AM PM
--	--	--	--------	--	----------

Cuaca :

PANAS	MENDUNG	HUJAN RENYAI	HUJAN LEBAT
-------	---------	--------------	-------------

ID DPA No :

	Jenis Ruang : height: 20px;">
--	---

BORANG PEMERIKSAAN

TANDAKAN (✓) PADA RUANG DISEDIAKAN

Bil	Sistem	Subsistem	Komponen	Tahap Keadaan kecacatan					Keutamaan Pembaikan					Catatan
				SB(1)	B(2)	S(3)	K(4)	SK(5)	PG(5)	PM(4)	PB(3)	R(2)	N(1)	
1	01	Asas	0101 Asas cerucuk											
			0102 Asas cetek											
			0105 Lantai bawah	001										
2	02	Struktur	0201 Lantai Atas	001										
			0202 Lantai Gantung	001										
			0203 Tiang	001										
				002										
				003										
			0204 Rasuk	001										
				002										
			0205 Tangga Luar	001										
				002										
				003										
				004										

Bil	Sistem		Subsistem		Komponen		Tahap Keadaan kecacatan					Keutamaan Pembaikan					Catatan
							SB(1)	B(2)	S(3)	K(4)	SK(5)	PG(5)	PM(4)	PB(3)	R(2)	N(1)	
3	03	Exterior enclosure			005	Susur tangan											
					006	Kekisi											
					007	Cat											
			0206	Tanjakan	001	Kemasan											
			0301	Dinding Luar	001	kemasan											
					002	Lepaan											
					003	Cat											
					004	Ornamen											
			0302	Parapet	001	kemasan											
					002	Lepaan											
					003	Cat											
					005	Susur tangan											
					006	Kekisi											
					007	Cat											
			0303	Tingkap Luar	001	Kerangka tingkap											
					002	Daun tingkap											
					003	Sistem selak											
					004	Cat tingkap											
			0304	Pintu Luar	001	Kerangka pintu											
					002	Daun Pintu											
					003	Sistem selak											
					004	Cat dan hiasan											
			0305	Balkoni	001	Kemasan											
			0306	Koridor	001	Kemasan											
					002	Perangkap lantai											
					003	Scupper drain											
					004	Outlet											
					005	Susur tangan											
					006	Kekisi											

Bil	Sistem	Subsistem	Komponen	Tahap Keadaan kecacatan					Keutamaan Pembaikan					Catatan
				SB(1)	B(2)	S(3)	K(4)	SK(5)	PG(5)	PM(4)	PB(3)	R(2)	N(1)	
4	04	Bumbung	0401 Bumbung rata	001	Kemasan									
					Scupper drain									
				003	Perangkap air									
				004	Paving membrane									
				005	Outlet									
			0402 Bumbung Curam	001	Struktur bumbung									
				002	Kemasan									
				003	Penebat									
				004	Flashing									
				005	Talang (gutter)									
				006	Salur Air Hujan									
				007	Talang lurah									
				008	Tebar Layar									
				009	Fascia board									
				010	Rabung (ridge)									
				011	Pepaku (Spike)									
				012	Siling									
			0403 Kanopi	001	Struktur kanopi									
				002	Kemasan									
			0404 Lean to roof	001	Struktur bumbung									
				002	Kemasan									
				003	Siling									
				004	Tiang									
				005	Alang									
				006	Longkang perimeter									



Bil	Sistem		Subsistem		Komponen		Tahap Keadaan kecacatan					Keutamaan Pembaikan					Catatan
							SB(1)	B(2)	S(3)	K(4)	SK(5)	PG(5)	PM(4)	PB(3)	R(2)	N(1)	
5	05	Binaan Dalam	0501	Dinding sesekat	001	Fixed Partition											
					002	Demountable											
					003	Retractable											
					004	Compart. cubicles											
					005	Partition tandas											
			0502	Dinding dalam	001	Kemasan											
					002	Lepaan											
					003	Cat											
			0503	Pintu dalam	001	Kerangka pintu											
					002	Daun pintu											
					003	Sistem selak											
					004	Cat dan hiasan											
6	06	Tangga dalam	0601	Tangga biasa	001	Struktur tangga											
					002	Pelantar											
					003	Kemasan											
					004	Jejak											
					005	Riser											
					006	Susur tangan											
					007	Kekisi											
					008	Cat											
			0602	Tangga Spiral	001	Struktur tangga											
					002	Pelantar											
					003	Kemasan											
					004	Jejak											
					005	Riser											
					006	Susur tangan											
					007	Kekisi											
					008	Cat											
7	07	Siling	0701	Siling gantung	001	Kemasan											
					002	Kerangka siling											

Bil	Sistem	Subsistem	Komponen	Tahap Keadaan kecacatan					Keutamaan Pembaikan					Catatan
				SB(1)	B(2)	S(3)	K(4)	SK(5)	PG(5)	PM(4)	PB(3)	R(2)	N(1)	
4	04	Bumbung	0401 Bumbung rata	001	Kemasan									
					Scupper drain									
				003	Perangkap air									
				004	Paving membrane									
				005	Outlet									
			0402 Bumbung Curam	001	Struktur bumbung									
				002	Kemasan									
				003	Penebat									
				004	Flashing									
				005	Talang (gutter)									
				006	Salur Air Hujan									
				007	Talang lurah									
				008	Tebar Layar									
				009	Fascia board									
				010	Rabung (ridge)									
				011	Pepaku (Spike)									
				012	Siling									
			0403 Kanopi	001	Struktur kanopi									
				002	Kemasan									
			0404 Lean to roof	001	Struktur bumbung									
				002	Kemasan									
				003	Siling									
				004	Tiang									
				005	Alang									
				006	Longkang perimeter									



Bil	Sistem		Subsistem		Komponen		Tahap Keadaan kecacatan					Keutamaan Pembaikan					Catatan
							SB(1)	B(2)	S(3)	K(4)	SK(5)	PG(5)	PM(4)	PB(3)	R(2)	N(1)	
8	08	Lekapan	0801	Perabut bina dalam	001	Counter top											
					002	Almari											
			0802	Tanda arah	001	Plat											
9	09	Binaan Luar	0901	Apron	001	Konkrit											
					002	Kemasan											
			0902	Saliran Air Permukaan	001	Longkang perimeter											
					002	Penutup longkang											
					003	Perangkap geleguk											
JUMLAH KESELURUHAN - ARKITEK DAN SIVIL																	





BAHAGIAN 3

BORANG PEMERIKSAAN
ELEKTRIK



BORANG PEMERIKSAAN DI TAPAK UNTUK PENILAIAN KEADAAN BANGUNAN - ELEKTRIK

Nama Projek :	Blok No :	Aras:
---------------	-----------	-------

BUTIRAN PEMERIKSAAN

ISI TEMPAT KOSONG ATAU BULATKAN PADA JAWAPAN

Diperiksa Oleh:

Hari

Bulan

Tahun

(Bulatkan masa)

Tarikh :

Masa :

AM

PM

Cuaca :

PANAS

MENDUNG

HUJAN RENYAI

HUJAN LEBAT

ID DPA No :

Jenis Ruang :

BORANG PEMERIKSAAN

TANDAKAN (✓) PADA RUANG DISEDIAKAN

Bil	Sistem		Subsistem		Komponen		Tahap Keadaan kecacatan					Keutamaan Pembaikan					Catatan
							SB(1)	B(2)	S(3)	K(4)	SK(5)	PG(5)	PM(4)	PB(3)	R(2)	N(1)	
1	01	Sistem Pencahayaan	0101	Pencahayaan Dalaman	001	Papan Suis											
					002	Papan Kawalan Lampu											
					003	Lampu											
					004	Soket											
2	02	Komunikasi	0201	Sistem Telefon	001	Panel											
					002	Peranti											
					003	Sistem Kabel											
					004	Pembumian											
			0202	Sistem Audio Visual	001	Panel Utama											
					002	Peranti Audio											
					003	Peranti Visual											
					004	Sistem Kabel											



Bil	Sistem		Subsistem		Komponen		Tahap Keadaan kecacatan					Keutamaan Pembaikan					Catatan
							SB(1)	B(2)	S(3)	K(4)	SK(5)	PG(5)	PM(4)	PB(3)	R(2)	N(1)	
3	03	Keselamatan	0203	Sistem Siaraya	001	Panel Kawalan Audio											
					002	Peranti Audio											
					003	Sistem Kabel											
			0204	Sistem SMATV	001	Panel Kawalan Saluran											
					002	Antena											
					003	Booster											
					004	Sistem Kabel											
			0301	Sistem Pelindung Kilat	001	Konvensional											
					002	Early Streamer Emission											
					003	Kabel											
					004	Penyambung Ujian											
					005	Pembumian											
					006	Chamber											
4	04	Sistem Agihan	0401	Sistem Bekalan Sokongan	001	Bilik Janakuasa											
					002	Janakuasa											
					003	Papan Suis											
					004	Pam Minyak											
					005	Tangki Minyak											
					006	Sistem Bateri											
					007	Pembumian											
			0402	Sistem Voltan Tinggi	001	Bilik Suis											
					002	Papan Suis Utama											
					003	Alatubah											
					004	Pembumian											

Bil	Sistem		Subsistem		Komponen		Tahap Keadaan kecacatan					Keutamaan Pembaikan					Catatan		
							SB(1)	B(2)	S(3)	K(4)	SK(5)	PG(5)	PM(4)	PB(3)	R(2)	N(1)			
			0403	Sistem Voltan Rendah	001	Bilik Papan Suis Utama													
					002	Papan Suis Utama													
					003	Bilik Papan Suis Kecil													
					004	Papan Suis Kecil													
					005	Papan Agihan													
					006	Suis Bomba													
			0404	UPS	001	Panel Kawalan UPS													
					002	Bateri													
					003	Sistem Kabel													
					004	Pem- bumian													
			0405	Sistem Pen- dawaian Am	001	Trunking													
					002	Cable Tray													
					003	Konduit													
					004	Riser													
					005	Kerb													
					006	Fire Barrier													
					007	Soket													
			0406	Sistem Agihan Mata Kuasa	001	Papan Suis													
					002	Peranti													
					003	Sistem Kabel													
			0407	Sistem Kipas Angin	001	Papan Suis													
					002	Peranti													
					003	Kipas													
JUMLAH KESELURUHAN - ELEKTRIKAL																			



BAHAGIAN 4

BORANG PEMERIKSAAN
MEKANIKAL



BORANG PEMERIKSAAN DI TAPAK UNTUK PENILAIAN KEADAAN ASET - MEKANIKAL

Nama Projek :	Blok No :	Aras:
---------------	-----------	-------

BUTIRAN PEMERIKSAAN ISI TEMPAT KOSONG ATAU BULATKAN PADA JAWAPAN

Diperiksa Oleh:

Tarikh :

Hari	Bulan	Tahun	Masa :	(Bulatkan masa)	

Cuaca :

PANAS	MENDUNG	HUJAN RENYAI	HUJAN LEBAT
-------	---------	--------------	-------------

ID DPA No : Jenis Ruang :

BORANG PEMERIKSAAN TANDAKAN (✓) PADA RUANG DISEDIAKAN

Bil	Sistem	Subsistem	Komponen	Tahap Keadaan kecacatan					Keutamaan Pembaikan					Catatan
				SB(1)	B(2)	S(3)	K(4)	SK(5)	PG(5)	PM(4)	PB(3)	R(2)	N(1)	
1	01	Sistem Per-paipan	0101 Kelengkapan sanitari	001	Tandas Cangkung / Duduk									
				002	Urinal									
				003	Sinki									
				004	Tab Mandi									
				005	Tempat Basuh Tangan									
				006	Pancur air mandi									
				007	Bidet									
		0102 Paip agihan dalaman	001	Paip										
				002	Tangki air dalaman									
				003	Stop cock									
				004	Kepala paip									
		0103 Paip perkhidmatan	001	Paip										
				002	Bracket									
				003	Penyambung									
				004	Stop Cock									
				005	Tangki air simpanan									

Bil	Sistem	Subsistem	Komponen	Tahap Keadaan kecacatan					Keutamaan Pembaikan					Catatan
				SB(1)	B(2)	S(3)	K(4)	SK(5)	PG(5)	PM(4)	PB(3)	R(2)	N(1)	
2	02	Sistem Pendingin Udara	0104 Sanitary Waste	001	Paip Air Buang									
				002	Soil Pipe									
				003	Bracket									
				004	perangkap									
			0201 Water cooled Chiller Water Systems	001	Pepaipan & pemasangan									
				002	Chiller									
				003	Unit dalaman									
				004	Diffuser									
			0202 Air Cooled Chilled System	001	Pepaipan & pemasangan									
				002	Unit dalaman									
				003	Diffuser									
				004	Unit condensor									
			0203 Water Cooled Package System	001	Pepaipan & pemasangan									
				002	Chiller									
				003	Unit dalaman									
				004	Diffuser									
			0204 Air Cooled Split Unit	001	Indoor unit									
				002	Outdoor unit									
				003	Perpaipan & pemasangan									
			0205 Air Cooled Multi Split Unit	001	Indoor unit									
				002	Outdoor unit									
				003	Perpaipan & pemasangan									
3	03	Sistem agihan	0301 Sistem pengudaraan mekanikal	001	Kipas									
				002	Ekzos									
				003	Salur udara keluar									
				004	Salur udara masuk									

Bil	Sistem		Subsistem		Komponen		Tahap Keadaan kecacatan					Keutamaan Pembaikan					Catatan
							SB(1)	B(2)	S(3)	K(4)	SK(5)	PG(5)	PM(4)	PB(3)	R(2)	N(1)	
4	04	Sistem Pencegah kebakaran	0302	Sistem bekalan gas	001	Perpaipan & pemasangan											
			0303	Sistem bekalan air panas	001	perpaipan & pemasangan											
					002	Paip penebat											
					003	Boiler											
					004	Water heater											
			0401	Hose reel	001	Hos											
					002	Compartment											
					003	Perpaipan & pemasangan											
			0402	Sistem Pancur Kering	001	Inlet											
					002	Hos											
					003	Perpaipan & pemasangan											
			0403	Sistem Pancur Basah	001	Perpaipan & pemasangan											
					002	Hos											
			0404	Sprinkler	001	Sprinkler head											
					002	Perpaipan & pemasangan											
			0405	Sistem Pemadam api	001	Semburan Automatik											
					002	Sistem Sembur Air											
					003	Sistem Karbon Dioksida											
					004	Sistem berhalogen											
					005	Sistem pili Bomba											
					006	Sistem mudahalih											



Bil	Sistem		Subsistem		Komponen		Tahap Keadaan kecacatan					Keutamaan Pembaikan					Catatan
							SB(1)	B(2)	S(3)	K(4)	SK(5)	PG(5)	PM(4)	PB(3)	R(2)	N(1)	
5	05	Lif	0406	Sistem penggera kebakaran	001	Pengesan api automatik											
					002	Penggera kebakaran											
					003	Penggera penunjuk isyarat											
					004	Penggera manual											
			0407	Tangki air bomba	001	Perpaipan & pepasangan											
					002	Tangki Air											
			0501	Hoistway	001	Guide rails											
					002	Smoke detector											
					001	Kemasan											
					002	Butang pemanggil											
					003	Pengudaraan											
